



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

MS ISO 9001:2015

PROSEDUR KUALITI

PK.JUPEM.08

PENYELENGGARAAN PERALATAN DAN PERISIAN KOMPUTER

DISEDIAKAN OLEH:

URUS SETIA MS ISO 9001:2015
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Tarikh: *5.1.2018*

DILULUSKAN OLEH:


(SR MOHAMAD KAMALI BIN ADIMIN, FRISM)
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Tarikh: *12.01.18*

No. Edaran:

1. TUJUAN

Untuk memastikan penyelenggaraan peralatan dan perisian komputer dibuat dengan teratur mengikut jadual dan keperluan yang ditetapkan.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai:

- 2.1 Oleh Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, Bahagian Pemetaan Topografi Semenanjung/Sabah/Sarawak, Seksyen Pengurusan Korporat (Bahagian Perancangan dan Korporat) serta Seksyen Percetakan (Bahagian Kartografi dan GIS) dan JUPEM Negeri;
- 2.2 Bagi menguruskan penyelenggaraan komputer bermula dari komputer diperolehi sehingga ia dilupuskan.

3. RUJUKAN

- 3.1 Profil Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) JUPEM.
- 3.2 Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

4. DEFINISI

- | | | |
|-----|----------------------------|--|
| 4.1 | Komputer | Komputer ialah komputer peribadi, komputer bimbit, pencetak, <i>toughbook</i> , <i>workstation</i> , pemplot, pengimbas, <i>server</i> dan storan. |
| 4.2 | Penyelenggaraan Komputer | Penyelenggaraan komputer secara komprehensif iaitu melibatkan pencegahan dan pemuliharaan. |
| 4.3 | Penyelenggaraan Pencegahan | Kerja-kerja penyelenggaraan ke atas komputer yang dibuat secara berjadual bagi mengelakkan dari berlakunya kerosakan. |
| 4.4 | Penyelenggaraan Pembaikan | Perkhidmatan yang diberikan sekiranya aduan kerosakan dilaporkan oleh pengguna. |

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none">f. Peralatan ICT di luar jaminan:<ul style="list-style-type: none">i) Jika kerosakan melibatkan penggantian alat ganti, rujuk ke Bahagian Khidmat Pengurusan di Ibu Pejabat JUPEM atau Seksyen Khidmat Pengurusan di JUPEM Negeri bagi mendapatkan perkhidmatan pembaikan daripada syarikat yang berkecualan melalui kaedah perolehan yang ditetapkan.ii) Jika kerosakan hanya melibatkan sistem atau perisian komputer, jalankan penyelenggaraan dalaman.g. Jika peralatan ICT masih dalam tempoh jaminan, minta syarikat pembekal untuk membuat pembaikan.h. Awasi dan periksa kerja-kerja yang dijalankan oleh pembekal bagi memastikan peralatan yang diganti atau kerosakan yang dibaiki adalah mengikut spesifikasi yang betul.i. Jalankan ujian ke atas peralatan ICT yang telah dibaiki atau diganti bagi memastikan dapat berfungsi dengan baik.j. Jika tidak berpuas hati, minta syarikat perkhidmatan/pembekal membaiki semula kerosakan.k. Jika berpuas hati, sahkan laporan kerosakan yang dikemukakan oleh syarikat pembekal.l. Terima inbois daripada syarikat pembekal dan buat pengesahan.

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	<p>m. Kemukakan dokumen tuntutan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat JUPEM atau Seksyen Khidmat Pengurusan, JUPEM Negeri untuk pembayaran.</p> <p>n. Kemaskini rekod penyelenggaraan dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2).</p> <p>o. Kemaskini Borang Penilaian Prestasi Pembekal Perkhidmatan Pelbagai (Komputer) mengikut prosedur seperti PK.JUPEM.03.</p>

7. REKOD

Bil.	Jenis Rekod	Tempoh penyimpanan	Tempat simpanan
1.	Jadual Penyelenggaraan	2 tahun	Bahagian Berkenaan/ JUPEM Negeri
2.	Daftar Harta Modal (KEW. PA-2)	Jangka hayat mesin/alat	Bahagian Berkenaan/ JUPEM Negeri
3.	Borang Penilaian Prestasi Pembekal Perkhidmatan Pelbagai (Komputer)	2 tahun	Bahagian Berkenaan/ JUPEM Negeri
4.	<i>Service Report</i>	2 tahun	Bahagian Berkenaan/ JUPEM Negeri
5.	<i>eSupport</i>	2 tahun	Bahagian Berkenaan/ JUPEM Negeri

8. LAMPIRAN

Tiada.